

PM ucap tahniah kepada Polis Diraja

Mn.M 25 MAR 1990

KUALA LUMPUR 24 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana kejayaannya melaksanakan tugas-tugas dengan cemerlang sebagai penguatkuasa undang - undang negara dan memelihara keselamatan serta kestabilan negara.

Dalam perutusannya sempena ulang tahun ke-183 PDRM esok, Perdana Menteri berkata kemampuan pasukan polis melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan adalah disebabkan kukuhnya disiplin dan wujudnya sikap bertanggungjawab mereka mengekalkan profesionalisme tugas-tugas seharian.

Katanya, beliau yakin para pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia akan terus berusaha menempah kejayaan dan kecerlangan tugas dan tanggungjawab ini sejajar dengan tema Hari Polis tahun ini, "Kejayaan Membawa Kepada Perubahan."

Memainkan peranan

"Adalah tidak dapat dinafikan bahawa perubahan - perubahan yang dicapai sekarang adalah juga disebabkan kejayaan polis memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dengan berkesan," kata Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri.

Serentak dengan itu Perdana Menteri berkata sempena dengan sambutan ulang-tahun ini semua pegawai dan anggota polis akan terus berusaha mempertingkatkan lagi disiplin, mutu perkhidmatan dan kecakapan selaras dengan matlamat mewujudkan perkhidmatan awam yang bersih, cekap dan amanah.

"Saya juga berharap orang ramai dapat meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama dengan pihak polis dalam usaha kita membina sebuah masyarakat dan negara yang aman, makmur dan stabil," ujar beliau.

Sesungguhnya tambah Perdana Menteri segala sumbangan, jasa dan khidmat bakti para pegawai dan anggota polis akan tetap disanjung dan dikenang oleh rakyat dan negara.